

09 OCT 1998

Y2K-Peruntukan

KERAJAAN SETUJU PERTIMBANG PERUNTUKAN TAMBAHAN ATASI Y2K

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Kerajaan telah bersetuju mempertimbangkan peruntukan tambahan kepada sektor awam untuk mengatasi masalah komputer Tahun 2000 atau Y2K.

Ketua Pasukan Petugas Y2K Kebangsaan Datuk Nuraizah Abdul Hamid berkata Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) akan menghubungi agensi terbabit untuk menyelaraskan jumlah sebenar peruntukan tambahan yang diperlukan.

"Kita akan mengemukakan jumlah itu kepada kerajaan sedikit masa lagi," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Sebelum ini kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta kepada sektor awam yang dikenalpasti sebagai sektor kritikal kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat, untuk menangani masalah Y2K.

Masalah Y2K ialah ketidakupayaan komputer mengenali tarikh 1 Jan 2000 yang boleh mengakibatkan keruntuhan data yang tersimpan.

Nuraizah berkata antara sektor yang terbabit dengan peruntukan tambahan itu ialah sektor pengangkutan dan kemudahan asas seperti hospital.

Ketika ditanya mengenai perkembangan yang dicapai oleh agensi terbabit, Nuraizah berkata sebahagian daripadanya telah menghampiri tahap penyelesaian dan kini berada di peringkat menguji.

Bagaimanapun, katanya, terdapat juga agensi yang masih berada di peringkat mencari penyelesaian yang sesuai.

Nuraizah berkata laporan terperinci berhubung perkara itu akan diserahkan kepada kerajaan akhir bulan depan.

Terdahulu, Nuraizah, yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berkata kementerian akan menganjurkan satu ekspo berkenaan Y2K pada 3 hingga 6 Nov ini.

"Y2K Solutions Expo" yang dianggap terbesar di rantau ini dibuat secara bersama pameran Asean Telecom '98 dan dijangka mempamerkan langkah penyelesaian masalah itu daripada 30 peserta.

Pameran itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

NM AKD